



DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
(KOTA KINABALU CITY HALL)

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah.
No. Tel: 088-521800 No. Faks: 088-233815, 219175

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan atau berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas, Kepala dan Sub kepala yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja yang berikut:

Nombor dan Tajuk Tender	Harga Dokumen Tender	Tempat & Tarikh Dokumen Tender Dijual	*Syarat Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender
DBKK/JAPK/P/T/1/2024 PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA PEKAN INANAM, KOTA KINABALU, SABAH	RM 1,100.00 Senaskah (termasuk SST – SR 8%)	Jabatan Perolehan DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu Tarikh: 12 Mac 2024 hingga 2 April 2024	SPKK Gred G6 Kategori B Pengkhususan B04 atau PUKONSA Kelas A Kepala II Sub Kepala 2	9 April 2024 Selasa (tidak lewat dari 12.00 tengahari)

Naskah Meja Tender boleh disemak di Jabatan Perolehan DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, pada waktu pejabat.

Bayaran dokumen tender hendaklah dibuat secara Tunai atau Draf Bank atau Wang Kiriman Pos Berpalang di atas nama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di Kaunter Bayaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (bayaran tidak akan dikembalikan).

Kontraktor-kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri:

- Taklimat Tender pada **11 Mac 2024 (Isnin), 8.30 pagi** bertempat di Dewan Mesyuarat, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, No. 1 Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu.
- Lawatan Tapak pada **11 Mac 2024 (Isnin), 11.30 pagi**.

Sebuah syarikat hanya boleh mewakili seorang sahaja iaitu hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor-Kontraktor jika Borang Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah dilengkapkan.

Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan atau Sijil Pendaftaran PUKONSA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Tender yang sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk sebelah kiri atas sampul surat dan dialamatkan kepada **Setiasaha, Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah, Pejabat Kewangan Persekutuan, Tingkat 2, Rumah Persekutuan 88592 Kota Kinabalu, Sabah** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Pejabat Kewangan Persekutuan, Tingkat 2, Rumah Persekutuan 88592 Kota Kinabalu, Sabah** tidak lewat dari masa dan tarikh tutup tender yang tersebut di atas.

Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Pengarah Perolehan
b.p. MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU